

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN PENTADBIRAN
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
TAHUN 2023**

TARIKH : 5 JANUARI 2022 (KHAMIS)

MASA : 9.00 PAGI

TEMPAT : DEWAN THEATRETTE WISMA NEGERI

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Negeri Sembilan, Bersih, Muafakat,
Sejahtera**

**YB Dato' Dr. Razali bin Ab Malik
Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan**

YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

**Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Negeri dan
Persekutuan**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati
sekalian.**

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya dapat kita semua hadir dan berkumpul di pagi barakah ini, bersempena dengan **Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus Tahun 2023.**

2. Pertama sekali, saya mengalu-alukan kehadiran semua Ketua Jabatan untuk bersama-sama saya dalam majlis ini. Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan dan agensi strategik di Negeri Sembilan, yang menganjurkan perhimpunan pada pagi ini, untuk saya menyampaikan amanat kepada seluruh penjawat awam yang berkhidmat di Negeri Sembilan. Saya yakin dan percaya,

dengan tahun baharu, semangat dan iltizam warga kerja Negeri Sembilan juga baharu.

3. Semangat dan komitmen semua penjawat awam yang turut terlibat dalam menjayakan majlis pada pagi ini serta semua pihak dalam menyokong usaha memperkasa penyampaian dan gerak kerja Kerajaan Negeri amat saya hargai. Saya juga dimaklumkan semua penjawat awam negeri dan persekutuan yang berkhidmat di Negeri Sembilan sama-sama mengikuti ucapan saya melalui *facebook live* Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.

Hadirin yang budiman,

4. Saya mengambil kesempatan ini, mewakili Kerajaan Negeri Sembilan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Dato' Dr. Razali Abdul Malik yang bakal bersara bermula esok. Saya percaya perkhidmatan beliau hampir 27 tahun penuh pengalaman serta suka duka yang dilalui patut dijadikan sebagai contoh teladan kepada generasi yang masih berkhidmat sekarang. Segala sumbangan dan jasa yang telah dicurahkan sepanjang Dato' berkhidmat di bumi beradat Perpatih ini saya simpulkan dalam pantun berikut :

**Bertatah permata dalam istana,
Pakaian puteri raja kayangan;
Sepatah kata sangat berguna,
Secebis budi jadi kenangan.**

5. Segala pengalaman Dato' menyertai perkhidmatan awam menjadi memori indah yang akan menjadi kenangan sepanjang hayat. Saya juga berdoa agar segala urusan Dato dan keluarga dipermudah dan semoga diberkati dengan kesihatan yang berpanjangan serta bahagia di samping insan tersayang. Insya-Allah.

Sidang hadirin yang dikasihi sekalian,

6. Sesungguhnya, tuan-tuan dan puan-puan sebagai penjawat awam telah menjunjung tinggi amanah yang besar kepada negeri beradat Perpatih ini. Secara amnya, saya amat berpuas hati dan merasakan kecemerlangan penjawat awam yang berkhidmat di Negeri Sembilan tidak kira di Jabatan Negeri mahupun Persekutuan.

7. Syukur Alhamdulillah, suka saya umumkan, sehingga 30 Disember 2022, hasil negeri yang telah berjaya dikutip berjumlah **RM521.15 juta** bersamaan **120.64 peratus** melebihi sasaran Kerajaan Negeri untuk tahun lalu iaitu RM432 juta. Sekaligus mengubah belanjawan Tahun 2022 dari defisit RM88 juta kepada surplus RM31 juta. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua jabatan yang berjaya mencipta hasil yang luarbiasa ini.

Tuan-tuan, puan-puan hadirin sekalian,

7. Negeri Sembilan juga berada dalam keadaan pentadbiran yang kukuh, bersih, rakyat muafakat dan negeri sejahtera. Tahniah kepada semua. Inilah hasil muafakat Anggota Pentadbiran Kerajaan yang berdiri teguh bersama saya. Selepas PRU-15 yang lalu, akhirnya Kerajaan Perpaduan dibentuk dan seluruh penjawat awam merasai dimensi politik baharu di negara ini. Maka, melalui rencana Kerajaan Perpaduan yang ada, saya percaya amanah dan semangat kerja tuan-tuan dan puan-puan sekalian akan terus utuh demi memacu sebuah pembaharuan yang bermakna khususnya di Negeri Sembilan.

8. Kita telah sama-sama melangkah ke gerbang Tahun Baharu 2023. Saban tahun kita menyambut tahun baharu dengan melakukan muhasabah untuk menilai kejayaan yang telah dicapai mahupun rintangan yang ditempuh. Maka, untuk tahun 2023 ini, menjadi harapan saya agar kekayaan dan kemakmuran hasil Negeri Sembilan yang sedang kita kecapai dapat kekal mampan dan berdaya tahan selaras dengan tema Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2023 iaitu “**Melunas Janji, Menggalas Harapan**”. Sama-samalah kita berusaha ke arah itu.

9. Sedemikian, untuk Tahun 2023 saya mahu penjawat awam di Negeri Sembilan berpegang kepada empat (4) strategi berikut:

(i) Mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan Undang undang Tubuh Negeri Sembilan 1959

Kerajaan Negeri Sembilan komited mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959. Persefahaman erat yang dimeterai antara gabungan parti politik utama dan para perwakilan minoriti lain telah membentuk sebuah kerajaan yang kukuh dan stabil menjamin semua hak istimewa yang ada termasuk hak penjawat awam. Walau bagaimanapun, reformasi institusi pentadbiran perlu ada demi tatakelola baik dalam pemerintahan.

Saya yakin tadbir urus yang efisien dan bersifat wasatiah mampu menghalang gejala rasuah serta penyelewengan terus berleluasa. Keunikan bumi beradat Perpatih ini telah lama mencerminkan

keseimbangan sosial akan diusahakan bagi memastikan rakyat terus terbela. Penjawat awam di negeri ini seharusnya menghormati Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang serta memiliki semangat patriotisme tulen. Semua pihak perlu mengamalkan prinsip Rukun Negara yang dilafaz sebentar tadi agar tiada pihak cuba mengambil kesempatan mencetuskan suasana tidak tenteram, terutama membabitkan hubungan antara kaum di negeri ini.

(ii) Membantu menangani isu kos sara hidup rakyat

Dalam soal isu kos sara hidup, Kerajaan Negeri telah mencari pelbagai kaedah terbaik dicapai supaya rakyat tidak terlalu terbeban dengan kenaikan harga barang dan bekalan makanan yang mencukupi.

Pelbagai program pemerksaan ekonomi rakyat telah berjaya dilaksanakan termasuklah pembangunan tanah-tanah terbiar, bantuan modal perniagaan, pensijilan industri halal cottage, bantuan peralatan tangkapan ikan kepada nelayan pantai, pemberian elaun sara hidup bulanan kepada pelajar-pelajar universiti, pemberian subsidi Rumah Harapan dan ratusan lagi projek kesejahteraan rakyat yang tidak dapat saya sebutkan di sini.

Sesungguhnya, isu kekurangan bekalan telah cuba kita tangani melalui Jualan Harga Ladang Negeri Sembilan Prihatin. Secara tidak langsung, rakyat di negeri ini dapat membeli barangan keperluan dengan harga 20 hingga 30 peratus lebih murah daripada harga pasaran. Dalam mendepani dampak yang membebankan ini, agensi negeri dan persekutuan

yang terlibat perlu bersama Kerajaan Negeri dalam memformulasi pendekatan isu kekurangan bekalan makanan secara menyeluruh. Saya percaya dengan meneroka potensi dan kerjasama agensi yang ada, sekuriti makanan melalui jualan harga ladang barang-barang asas makanan seperti ayam, telur, minyak masak, sayur-sayuran dan daging dapat ditingkatkan.

(iii) Memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan awam serta tatakelola baik dalam pentadbiran

Kerajaan memang silih berganti, tetapi penjawat awam kekal setia dan dedikasi demi negeri tercinta ini. Penyampaian perkhidmatan perlu berubah mengikut keadaan semasa. Hal ini bagi memastikan pemain industri dapat berkembang maju, khususnya sektor komoditi, pembinaan dan pelancongan.

Rakyat tidak boleh lagi diheret dengan kelewatan Kerajaan Negeri menghulur bantuan dan pertolongan. Jadi adalah penting untuk perkhidmatan bertindak proaktif dan menggerakkan usaha segera dalam memastikan pengurusan bantuan yang teratur, segera dan berkesan.

Negeri Sembilan juga pernah diiktiraf sebagai Negeri Bahagia berdasarkan Indeks Kebahagiaan 2021. Justeru, semua Pihak Berkuasa tempatan (PBT) perlu berusaha menyediakan kemudahan perbandaran yang berkualiti tinggi supaya berdaya huni dan bahagia untuk didiami.

Sistem penyampaian awam di Negeri Sembilan perlu diperhebat bagi memudahkan urusan perniagaan dan menangani karenah birokrasi.

Namun, sikap berintegriti perlu ditanam dalam jiwa dan meningkatkan tatakelola demi mengoptimumkan sumber kerajaan untuk manfaat rakyat selari dengan slogan Bersih ▪Muafakat ▪Sejahtera.

(iv) Memacu pertumbuhan ekonomi negeri yang mampan

Kerajaan Negeri melalui penjawat awam seharusnya bersedia dengan menggalakkan pelaburan berkualiti dan mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif. Pemulihan ekonomi sangat bergantung kepada kecenderungan dan keyakinan pelabur yang didorong oleh pelbagai faktor terutamanya kestabilan politik dan tatakelola perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan.

Hala tuju pembangunan Negeri Sembilan rancak dipandu oleh dua rancangan pembangunan iaitu Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025 (RPNS) dan Pelan Ekonomi Digital Negeri Sembilan 2023-2027 (PEDNS). Kedua-dua rancangan pembangunan ini perlu dicerakinkan dalam setiap belanjawan tahunan supaya matlamat rancangan pembangunan tersebut dapat direalisasikan sepenuhnya. Justeru, menjadi tanggungjawab untuk meneliti dan menilai pertunjuk prestasi dari semasa ke semasa agar strategi dan pelan tindakan bagi mencapai aspirasi negeri untuk menjadi sebuah negeri berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030 berpaksikan ekonomi digital dapat digapai.

Selain itu, agensi pelaburan negeri ditugaskan untuk menambah baik kemudahan menjalankan perniagaan

dan meningkatkan pelaburan berkualiti ke arah menjana peluang pekerjaan berpendapatan tinggi untuk rakyat negeri ini terutamanya untuk golongan belia.

PENUTUP

Penjawat awam yang saya kasihi sekalian,

10. Di kala waktu sebegini, keprihatinan semua pihak amat dituntut dan perlu ditingkatkan. Kesyntambungan penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang perlu diadaptasi bersama-sama dengan membantu masyarakat meningkat ekonomi sedia ada. Demi kelangsungan kehidupan agar ekonomi negeri kembali segar dan mampan kombinasi kesefahaman dan usaha sama semua pihak amat didambakan.

Penghargaan terima kasih saya kepada semua Ketua-ketua Jabatan dan penjawat awam atas sokongan dan khidmat bakti yang dicurahkan kepada Kerajaan Negeri mahupun Persekutuan.

11. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan terima kasih atas jemputan untuk saya hadir pada hari ini. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada warga penganjur atas usaha dan komitmen tinggi yang dipamerkan dalam menjayakan majlis ini. Moga kerjasama yang terjalin ini dapat diteruskan dan dieratkan lagi dalam usaha memacu pembangunan negeri serta mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan selaras pegangan kata kunci **Bersih . Muafakat . Sejahtera**. Saya berdoa semoga kita sentiasa diberkati dan dipermudah segala urusan.

Marilah kita bersama-sama melangkah ke tahun baharu 2023 dengan lebih berani dan yakin tahun yang baharu ini akan lebih baik daripada tahun-tahun sebelumnya, insya-Allah.

12. Maka, dengan lafaz Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh saya akhiri ucapan saya pada pagi ini.

Sekian, Salam Negeri Sembilan, Bersih, Muafakat, Sejahtera.